

PENUTUP

1. Secara keseluruhannya, setakat 30 September 2020, Jabatan Audit Negara telah memuktamadkan sebanyak 69 daripada 148 Penyata Kewangan Agensi Persekutuan Tahun 2019. Sebanyak 51 penyata kewangan Agensi Persekutuan tahun 2019 telah diberikan Sijil Ketua Audit Negara dengan Pendapat Tanpa Teguran manakala sebanyak 11 penyata kewangan telah diberikan Pendapat Tanpa Teguran dengan *Emphasis of Matter* (EOM). Daripada 51 penyata kewangan Agensi Persekutuan tahun 2019 yang diberikan Pendapat Tanpa Teguran, sebanyak empat (4) Sijil Ketua Audit Negara mempunyai perenggan Hal-hal Lain (*Other Matter*) manakala satu (1) mempunyai perenggan Perkara Utama Audit (*Key Audit Matters* – KAM). Selain itu, sebanyak tujuh (7) penyata kewangan Agensi Persekutuan telah diberikan Pendapat Berteguran. Sebanyak 77 penyata kewangan lagi masih dalam proses pengauditan manakala dua (2) penyata kewangan belum diterima.
2. Pelaporan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 menekankan kepada enam (6) perkara utama, iaitu Kerja Dalam Kemajuan, Terimaan Tidak Dikenal Pasti, Hartanah Pelaburan, Aset Luar Jangka dan Liabiliti Luar Jangka, Kakitangan Pengurusan Utama dan Kesan Pandemik Covid-19. Analisis tersebut dibuat terhadap 69 penyata kewangan Agensi Persekutuan yang telah dikeluarkan Sijil Ketua Audit Negara. Selain itu, analisis turut dibuat terhadap Lebihan atau Kurangan Terkumpul dan Nisbah Hutang bagi 62 Agensi Persekutuan yang diberikan Sijil Tanpa Teguran.
3. Selain itu, pengauditan pematuhan telah dilaksanakan terhadap 16 Agensi Persekutuan yang melibatkan 16 tajuk. Antara perkara yang dilaporkan adalah melibatkan isu pembaziran, pemborosan, penyelewengan dan ketirisan disebabkan kecuaian.
4. Pegawai Pengawal kementerian/jabatan/agensi perlu mematuhi undang-undang/peraturan/polisi kewangan dan perolehan yang telah ditetapkan dan yang berkuat kuasa serta rekod perakaunan yang berkaitan diselenggara dengan lengkap dan kemas kini dalam setiap urusan yang dilaksanakan. Selain itu, kementerian/jabatan/agensi hendaklah mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran pegawai dalam pengurusan kewangan dan pemahaman piawaian perakaunan.

Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya
23 November 2020